

Ciri-Ciri Linguistik Dalam Buku-Buku Teks Berbahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Tahap Kebolehbacaan Teks Di Malaysia

ABSTARK

Kajian kebolehbacaan teks bahasa Arab sedang berkembang di negara Arab, tetapi masih lagi pada peringkat awal di Malaysia. Kekurangan panduan untuk menilai kesesuaian buku teks dengan pembaca sasaran menjadi kekangan yang mendorong kajian ini dijalankan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri linguistik yang berpotensi sebagai peramal kebolehbacaan buku teks berbahasa Arab sebagai langkah awal pembangunan kaedah pengukuran kebolehbacaan teks untuk penutur bukan jati. Sebanyak 315 sampel teks yang mengandungi 100 patah perkataan di pilih secara rawak daripada 105 buah buku teks tingkatan 1 hingga tingkatan 5 telah digunakan untuk analisis. 7 ciri linguistik yang dianalisis ialah perkataan biasa dan kerap, perkataan abstrak, ayat mudah, ayat kompleks, ayat kata nama, purata panjang ayat serta kata hubung dan penanda wacana. Analisis deskriptif dan korelasi Pearson digunakan. Hasil analisis menunjukkan penggunaan ayat mudah, ayat kompleks dan ayat kata nama berada pada tahap sederhana. Namun, tahap ayat kompleks lebih tinggi daripada ayat mudah. Perkataan biasa dan kerap berada pada tahap yang tinggi tetapi perkataan abstrak berada pada tahap rendah. Manakala kata hubung dan penanda wacana berada pada tahap sederhana. Ujian Pearson menunjukkan korelasi signifikan yang negatif antara ayat kompleks, perkataan biasa dan kerap serta kata hubung dan penanda wacana dengan tahap kebolehbacaan teks. Manakala purata panjang ayat menunjukkan hubungan signifikan yang positif dengan tahap kebolehbacaan teks. Hasil kajian ini, boleh dimanfaatkan dalam kajian seterusnya untuk membangunkan kaedah pengukuran kebolehbacaan teks untuk pelajar bukan penutur jati berdasarkan ciri-ciri linguistik, sebelum penulisan atau pemilihan buku teks.

Kata Kunci: Ciri-ciri linguistik, buku teks, buku berbahasa Arab, kebolehbacaan teks Arab, kurikulum dini.

Linguistic Features of Textbooks in Arabic and Its Correlation with Text Readability Level in Malaysia

ABSTRACT

The readability study of Arabic texts in Arab countries is growing rapidly; however it is still at an early stage pertaining Arabic text books used by non-Arabic speakers in Malaysia. The lack of guidelines for assessing the suitability of textbooks with the target readers is one of the constraints to promote reading Arabic texts. Therefore, the purpose of this study was to identify potential linguistic features as predictors of Arabic texts readability among non-Arabic speakers. It is the initial step towards the development of methods for the measurement of readability level for non-Arabic speakers' text books. For this purpose, a total of 315 samples of texts that include 100 words from 105 textbooks of form 1 to form 5 were used for analysis. 7 linguistic features were analysed. They are common and frequent

words, abstract words, simple sentences, complex sentences, noun clauses, the average sentence length and conjunctions and discourse markers. A descriptive analysis and Pearson correlation were used. The result shows that the use of simple sentences, complex sentences and noun clause are at moderation level. The use of complex sentences is at higher level than simple sentences; however, the use of noun clauses are inconsistent throughout form 1 to form 5. The use of common and frequent words is at high level. According to the order of precedence, the level of the abstract words are at low level. Conjunctions and discourse markers are at a moderate level in texts. Based on Pearson correlation shows that there is negative significant relation between complex sentences, common and frequent words, conjunctions and discourse markers and texts readability level, but average sentence length shows positive significant relation. The findings of this study can be used in the further study to develop a method in measuring readability of texts for non-Arabic speakers based on linguistic features before the text books are written or selected.

Keywords: linguistic feature, textbook, book in Arabic, Arabic text readability, religious curriculum.

PENGENALAN

Sejarah perkembangan bahasa Arab, jelas menunjukkan bahawa bahasa Arab bukanlah suatu bahasa yang asing kepada masyarakat Islam di Malaysia. Walaupun dalam konteks pembelajaran bahasa, pertuturan harian dan pendedahan komunikasi, bahasa Arab di Malaysia dianggap sebagai bahasa asing (Wan Azura & Lubna, 2006). Namun, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tetap mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia. Penggunaan bahasa Arab ini lebih tertumpu pada proses pembacaan berbanding komunikasi, yang mana ia bertujuan untuk memahami ilmu-ilmu Islam. Mereka belajar memahami susunan ayat serta makna bagi setiap perkataan yang terdapat dalam teks bacaan tersebut (Rosni, 2009).

Amalan membaca teks dalam bahasa Arab masih diteruskan dalam disiplin ilmu Islam sehingga kini kerana ia merupakan warisan ilmu yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi lain melalui penulisan para ulamak yang merupakan khazanah bagi memastikan kelangsungan peradaban umat Islam. Proses pemindahan ilmu, pembentukan pemikiran serta tingkah laku mempunyai kaitan dengan pemilihan teks bacaan yang bermakna. Teks bacaan bahasa Arab bukan sahaja berperanan sebagai medium pembelajaran bahasa, bahkan sebagai wadah untuk mendalami ilmu Islam.

Penggunaan teks bacaan yang bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran, perlu dipilih oleh pengajar untuk mendapatkan refleksi dan penglibatan yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran daripada pelajar. Hal ini adalah penting, memandangkan dalam konteks Malaysia, capaian dan peluang untuk menggunakan bahasa Arab adalah terhad. Penggunaan teks bacaan yang bersesuaian adalah penting dalam proses pembelajaran kerana ia dapat membantu menimbulkan minat pelajar dan membantu mereka menguasai bahasa ini dengan lebih berkesan. Selain itu, pelajar perlu dilatih supaya mempunyai autonomi dan tanggungjawab dengan mengamalkan pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centred learning*), serta tidak semata-mata mengharap bantuan daripada guru (Pintrich, 1999).

Sehubungan dengan itu, teks bacaan dalam bahasa Arab perlu mengikut tahap kebolehbacaannya untuk memastikan kesesuaian bahan tersebut dengan tahap berbahasa pelajar seterusnya menentukan keperluan usaha menulis semula teks dalam bentuk yang dipermudahkan untuk pembaca bukan penutur jati. Oleh itu, usaha untuk mengenal pasti ciri-ciri yang menyumbang kepada tahap kebolehbacaan teks ini boleh membantu meluaskan capaian bahan bacaan tersebut.

Walau bagaimanapun, pengukuran kebolehbacaan teks bahasa Arab dan kajian kebolehbacaan bahasa Arab masih lagi asing terutama di Malaysia (Kamarulzaman, 2011), tidak seperti mana pengukuran kebolehbacaan bahasa Inggeris yang sudah lama diterokai dan terus berkembang sehingga kini (al-Khalifa & al-Ajlan, 2010).

DEFINISI DAN KONSEP KEBOLEHBACAAN

Kebolehbacaan merupakan konstruk yang berkaitan dengan kefahaman pembaca terhadap sesuatu teks yang dibaca. Kebolehbacaan boleh dikaitkan dengan bidang kajian dalam menentukan susah senang sesuatu teks untuk pembaca sasaran. Menurut pengkaji yang terdahulu seperti Dale dan Chall (1948), kebolehbacaan merujuk kepada kejayaan yang dicapai oleh pembaca semasa membaca teks tersebut yang merangkumi kefahaman, kelancaran dan minat untuk meneruskan pembacaan. Kebolehbacaan teks juga merujuk kepada keadaan apabila pembaca lancar dan mudah memahami teks tersebut (Oakland, & Lane, 2004). Senang dan sukar sesuatu teks dipengaruhi dan ditentukan oleh elemen-elemen yang mempengaruhi kefahaman pembaca dan saling berinteraksi antara satu sama lain. Interaksi tersebut mempengaruhi kebolehbacaan dengan diberikan fokus pada elemen seperti perkataan, frasa, ayat, struktur dan isi yang menjurus kepada pemahaman (Dale & Chall, 1948).

Manakala McLaughlin (1969) menegaskan bahawa kebolehbacaan teks bergantung kepada faktor ciri-ciri pembaca dan sejauh mana teks tertentu menarik minat untuk dibaca. Menurut Klare (1969) pula konsep kebolehbacaan dilihat pada tiga perspektif, iaitu kebolehbacaan menunjukkan susah senang teks dibaca sama ada dari segi tulisan, menunjukkan kelancaran pembacaan yang merujuk kepada minat untuk meneruskan pembacaan dan kebolehbacaan juga menunjukkan susah senang teks difahami yang merujuk kepada gaya penulisan yang baik. Klare (1969) menegaskan dua faktor yang perlu diambil kira dalam mengkaji aspek yang mempengaruhi susah senang sesuatu teks dalam proses membaca adalah faktor teks dan faktor pembaca. Susah senang teks dibaca akan menentukan minat untuk pembacaan serta memahami teks yang dibaca dengan baik.

Gilliland (1972) melihat kebolehbacaan sebagai proses menyesuaikan faktor pembaca seperti minat, kemahiran membaca dan faktor teks seperti isi kandungan, gaya dan kerumitan teks. Keberkesanan pembacaan sesuatu teks bergantung kepada kejayaan padanan pembaca dan teks. Harrison (1977) mentakrifkan kebolehbacaan teks sebagai ciri-ciri teks yang boleh diukur secara objektif untuk menganggar jenis kesukaran yang berkemungkinan dihadapi oleh pembaca pada peringkat umur yang tertentu. Manakala Pikulski (2002) menjelaskan kebolehbacaan sebagai satu ukuran pada sesuatu bahan bacaan yang bersandarkan kepada ciri-ciri teks dan ciri-ciri dalam diri pembaca. Walaubagaimana pun, ia bergantung kepada apakah tujuan membaca teks tersebut.

Konsep kebolehbacaan merupakan fenomena dinamik yang berkaitan interaksi yang bersepadu antara faktor-faktor pembaca dan faktor-faktor teks serta dipengaruhi oleh konteks pembacaan. Kebolehbacaan melibatkan elemen-elemen pembaca seperti faktor umur, gender, minat, sikap, kebolehan membaca, pengetahuan sedia ada, tujuan pembacaan dan tumpuan. Elemen-elemen tersebut berinteraksi dengan elemen-elemen teks seperti jenis genre, pengarang, mudah dibaca, ilustrasi, susunan, struktur isi, ciri-ciri linguistik dan ciri-ciri fizikal teks.

Elemen dalam teks seperti struktur bahasa memainkan peranan yang penting dalam kebolehbacaan, contohnya penggunaan kosa kata, struktur tatabahasa, penggunaan kata hubung dan penanda wacana, penggunaan struktur ayat panjang dan ayat pendek. Elemen-elemen tersebut membantu pembaca membuat tafsiran makna di samping membantu proses pemahaman (Grabe & Stoller, 2002; Gunning, 1968).

Selain struktur bahasa, cara teks ditulis juga membantu pembaca mengatur maklumat dalam teks, menghubungkan kait maklumat dalam teks dengan skema pembaca (pengetahuan sedia ada) untuk membina makna dan juga menghubungkan kait makna antara ayat, perenggan dan keseluruhan teks secara jelas (Beck et al., 1984). Teks yang mudah difahami mengikut Anderson dan Armbruster (1984) ialah teks yang mana idea disusun teratur mengikut kepentingan dan menunjukkan hubungan kait antara idea secara jelas dan bersepadu menggunakan kata hubung dan penanda wacana mengikut fungsi yang tertentu.

Berdasarkan definisi konsep kebolehbacaan, dapat difahami bahawa kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat perubahan dari segi memberikan takrifan, iaitu pada peringkat awal menunjukkan perkaitan antara kebolehbacaan, pembacaan dan pemahaman yang dipengaruhi oleh minat. Penekanan konsep kebolehbacaan teks lebih bergantung kepada kesukaran teks iaitu ditentukan oleh ciri-ciri teks tersebut berbanding ciri-ciri dalam diri pembaca. Seterusnya sehingga tahun 1970an penekanan dibuat pada padanan kepelbagaian ciri pembaca dengan ciri teks bahan bacaan. Manakala pada tahun 2000 dan ke atas perubahan konsep kebolehbacaan lebih berfokus pada proses interaktif antara ciri-pembaca dan ciri teks.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian berkaitan kebolehbacaan sesuatu teks bacaan dalam konteks pendidikan telah lama bertapak dalam kalangan sarjana barat khususnya dalam menentukan tahap senang sukar sesuatu bahan bacaan serta kesesuaiannya dengan pembaca sasaran. Usaha tersebut adalah penting sebagai salah satu cara untuk menyediakan teks bacaan yang berkualiti serta sesuai dengan tahap pembaca sasaran (DuBay, 2004), lebih-lebih lagi pembaca bukan penutur jati.

Ini adalah penting kerana pelajar bukan penutur jati yang berada di negara bukan Arab mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran berbahasa Arab yang berbeza dengan pelajar Arab atau pelajar yang berada di negara Arab. Perbezaan tahap penguasaan bahasa ini memerlukan penekanan pada pemilihan teks yang bersesuaian untuk membantu pemahaman. Dalam kalangan pelajar bukan penutur jati, mereka menghadapi kesukaran membaca bahan bacaan dan rujukan yang kebanyakannya ditulis oleh penulis-penulis Arab untuk pembaca Arab jati.

Pemilihan teks bacaan yang bersesuaian adalah penting kerana antara faktor kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah interaksi murid dan bahan bacaan dalam bahasa Arab kurang baik. Pelajar juga dikatakan kurang mempunyai keyakinan diri dalam memahami pelajaran yang dipelajarinya secara sendiri. Mereka banyak bergantung pada terjemahan dan kupasan daripada guru kerana mereka tidak memahami teks yang dibaca secara bersendirian (Rosni, 2009, Ghazali Yusri et.al, 2010, Nik Hanan et.al, 2013).

Suasana pelajar yang sentiasa bergantung kepada bimbingan dan kupasan guru tanpa usaha sendiri ini adalah kerana berikutan daripada penulisan dan pemilihan buku teks yang kurang mengambil berat berkenaan interaksi antara pembaca dan teks (Janan, 2011). Penulisan atau pemilihan buku teks yang digunakan kurang diberi penekanan terhadap aspek kesesuaian teks dan tahap berbahasa pembaca (Zulazhan, 2012). Justeru, teks yang ditulis tanpa mengambil kira tahap pencapaian berbahasa pembaca boleh membantutkan minat untuk meneruskan pembacaan dan menghalang pembaca memahami isi kandungan yang disampaikan oleh penulis (Harrison, 1980).

Jika usaha padanan buku teks berbahasa Arab dan pembaca sasaran kurang diambil perhatian, hal ini akan menjurus kepada kegagalan mencapai matlamat dan objektif pembelajaran bahasa Arab terutamanya di Malaysia; iaitu murid dapat berinteraksi dengan teks-teks berbahasa Arab khususnya dalam bidang pengajian agama dengan baik. Salah satu

masalah yang dikesan adalah terlalu kurang usaha mengukur kebolehbacaan bahan bacaan yang digunakan sebagai teks mata pelajaran yang pada asalnya buku tersebut disusun untuk pelajar Arab dan kemudiannya digunakan oleh pelajar Malaysia (Azhar et al., 2006; Azharuddin, 2005). Bahan bacaan untuk pelajar bukan penutur jati hendaklah ditulis, diolah dan diedit serta diberi penerangan kepada perkataan yang sukar agar dapat difahami oleh mereka. Oleh yang demikian, teks yang ditulis oleh penutur jati harus dinilai tahap kebolehbacaannya secara kritikal agar dapat difahami oleh pembaca bukan penutur jati (Schulz, 1981).

Kurangnya usaha dalam menentukan ciri-ciri linguistik teks sebagai kayu ukur dalam pemilihan teks yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pembaca, memberi kesan terhadap kefahaman pembaca. Ini menyebabkan idea atau maklumat yang disampaikan oleh penulis tidak dapat difahami oleh pembaca (DuBay, 2002).

Persoalannya, dalam penyediaan dan pemilihan bahan bacaan yang sesuai apakah ciri-ciri yang menjadi asas kepada pengukuran kebolehbacaan teks untuk pembaca bukan penutur jati. Kajian penerokaan ciri-ciri linguistik yang menyumbang kepada kebolehbacaan teks dan kajian berkaitan pengesahan dapatan kajian giat dilaksanakan dalam bahasa utama dunia seperti bahasa Inggeris, German, Sepanyol, Sweden, Hebrew, Jepun dan lain-lain bahasa. Sebagai contoh, antara pemboleh ubah popular yang sering digunakan dalam pengukuran kebolehbacaan teks bahasa Inggeris adalah suku kata, perkataan, ayat dan kepadatan isi (Newbold & Gillam, 2010).

Namun demikian, di Malaysia boleh dikatakan usaha untuk meneroka ciri-ciri linguistik teks sebagai penyumbang kepada kebolehbacaan teks bagi tujuan menilai kesesuaian teks dengan tahap penguasaan bahasa pembaca untuk memahami bahan bacaan masih lagi berkurangan (Khadijah Rohani, 1989). Menurut Kamarulzaman et.al (2014), kajian berkenaan kebolehbacaan teks dalam konteks teks bacaan bahasa Arab, khususnya kajian untuk mengkaji ciri-ciri linguistik yang menyumbang kepada kebolehbacaan teks sebagai penanda aras sesbuah teks yang sesuai dengan pembaca bukan penutur jati Arab adalah masih sedikit, walaupun pembelajaran mata pelajaran agama menggunakan perantara bahasa Arab sudah lama bertapak di Malaysia.

Kekurangan kajian tentang seumpama ini tidak menggalakkan perkembangan kajian untuk mencari kaedah yang objektif untuk mengukur tahap kebolehbacaan teks Arab untuk penutur bukan jati. Sehingga kini terdapat dua kaedah pengukuran kebolehbacaan teks bahasa Arab dibina berdasarkan ciri-ciri linguistik yang memberi sumbangan kepada kebolehbacaan teks iaitu Formula Dawood dan Formula al-Heeti (al-Khalifa & al-Ajlan, 2010).

Formula Dawood (1977) adalah berdasarkan kepada lima ciri linguistik, iaitu purata panjang perkataan, purata panjang ayat, kekerapan perkataan, peratus klosa kata nama dan peratus kata nama khas (al-Ajlan et al., 2008). manakala Al-Heeti (1984) juga menggunakan ciri linguistik yang sama dengan kajian Dawood (1977) dan membina formula berdasarkan tiga ciri linguistic, iaitu purata panjang ayat, purata panjang perkataan dan bilangan perkataan kerap digunakan. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh pengkaji tersebut adalah menggunakan sampel teks daripada buku teks yang digunakan oleh penutur jati bahasa Arab.

Kajian untuk menilai tahap kebolehbacaan buku teks mata pelajaran aliran agama telah dijalankan di Malaysia oleh Zulazhan (2012) dan Kamarulzaman (2010) yang berdasarkan skor kaji selidik persepsi pelajar dan guru terhadap buku teks tertentu dan juga menggunakan skor ujian klotz. Hal ini dapat dicapai dengan mengkaji ciri-ciri linguistik yang menjadi penyumbang utama kepada kebolehbacaan teks. Ciri-ciri linguistik tersebut menjadi asas kepada kaedah pengukuran tahap kebolehbacaan teks dalam konteks yang berbeza seperti dalam kalangan pelajar bukan penutur jati.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kekerapan ciri linguistik dalam teks serta hubungannya antara dengan tahap kebolehbacaan teks. Oleh itu, reka bentuk yang sesuai bagi mencapai tujuan kajian ini ialah menggunakan analisis kandungan (*content analysis*), iaitu menganalisis ciri-ciri linguistik yang digunakan dalam sampel teks. Seterusnya, daripada data yang diperoleh, kajian dikembangkan menggunakan pendekatan kuantitatif, iaitu data dianalisis menggunakan analisis statistik secara deskriptif dan inferensi. Kajian ini mengkaji tahap penggunaan ciri-ciri linguistik dalam teks berbahasa Arab. Ciri-ciri linguistik yang dikaji dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian para sarjana dalam kajian-kajian kebolehbacaan dan mendapat pengesahan daripada ahli linguistik bahasa Arab.

Populasi yang terlibat dalam analisis kajian ini merupakan dokumen yang terdiri daripada buku teks mata pelajaran Bahasa Arab Kementerian Pendidikan Malaysia dan buku teks berbahasa Arab kurikulum Dini (Azhari). Mata pelajaran di bawah kurikulum Dini (Azhari) yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada mata pelajaran Mutola'ah, Tafsir, Hadis, Feqah, Tauhid, Sirah, Tarikh Islam, Adab, Mantiq, Tajwid, Balaghah, Nahu dan Sorof. Semua dokumen buku teks ini digunakan oleh para pelajar tingkatan satu hingga lima di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN). Hasil pemilihan secara rawak, sampel buku teks dari 3 buah negeri, iaitu Selangor, Johor dan Pahang telah terpilih.

Sampel dokumen kajian ini melibatkan 35 buah buku teks bagi setiap negeri yang terdiri daripada 7 buah sampel buku teks bagi setiap tingkatan. Jumlah buku teks yang menjadi sampel dokumen kajian ini yang meliputi tiga buah negeri tersebut adalah sebanyak 105 buah buku. Pengkaji menggunakan reka bentuk persampelan rawak mudah untuk memilih sampel dokumen tersebut. Pengkaji memilih secara rawak tiga petikan teks daripada setiap buah buku yang menjadi sampel dokumen kajian ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sampel teks bagi kajian ini adalah sebanyak 315 petikan teks (rujuk lampiran E). Jadual 1 menunjukkan taburan sampel teks kajian ini.

JADUAL 1 Taburan Sampel Kajian

Negeri	Bil	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3	Tingkatan 4	Tingkatan 5
Selangor	1	Tauhid	Tauhid	Tauhid	Tauhid	Tafsir
	2	Fiqh	Fiqh	Fiqh	Fiqh	Balaghah
	3	B.Arab	Tafsir	Tafsir	Tafsir	Mutolaah
	4	Tafsir	Hadis	Hadis	Tarikh	Hadis
	5	Hadis	Tarikh Islam	Tarikh Islam	Islam	Tauhid
	6	Motolaah.	Mutolaah	Mutolaah	Hadis	Fiqh
	7	Sirah	Bahasa Arab	Bahasa Arab	Mutolaah B. Arab	B.Arab
Johor	1	Tauhid	Tauhid	Tauhid	Tauhid	Tafsir
	2	Fiqh	Fiqh	Hadis	Fiqh	Mantiq
	3	Tarikh	Hadis	Akhlaq	Hadis	Nahu/Sorof
	4	Islam	Tafsir	Tafsir	Tarikh	Hadis
	5	Tafsir	Nahu	Mantiq	Islam	Tauhid
	6	Hadis	Mutolaah.	Balaghah	Balaghah	Adab
	7	Mutolaah. Sirah	Sirah	Adab/Nusus	Adab/Nusu s Mutolaah	'Arud

Pahang	1	Tauhid	Tauhid	Tauhid	Tauhid	Tafsir
	2	Fiqh	Fiqh	Fiqh	Fiqh	Balaghah
	3	Tarikh	Tarikh Islam	Hadith	Nahu	Nahu/Sorof
	4	Islam	Tafsir	Tafsir	Tafsir	Tauhid
	5	Tafsir	Nahu	Tarikh Islam	Hadis	Adab
	6	Hadis	Mutolaah	Mutolaah.	Mutolaah.	Fiqh
	7	Mutolaah. Sirah	Sirah.	Nusus	Sirah	Tajwid
Jumlah Sampel Buku Teks	105	21	21	21	21	21
Jumlah Sampel Teks	105x 3	21x3	21x3	21x3	21x3	21x3
	(315)	(63)	(63)	(63)	(63)	(63)

Reka bentuk analisis kandungan telah digunakan secara meluas dalam kajian kebolehbacaan bahan bacaan bertulis. Pengkaji menggunakan sampel teks dan menganalisis tahap penggunaan ciri-ciri linguistik yang dikenal pasti digunakan dalam sampel tersebut (Berelson, 1952; Krippendorff, 2009). Analisis ini menumpukan pada ciri-ciri linguistik yang berkaitan kebolehbacaan teks. Sebanyak tujuh kategori pemboleh ubah ciri-ciri linguistik yang dianalisis sepertimana jadual 2 berikut:

JADUAL 2 Unit analisis dan kategori

Unit Analisis	Kategori
Perkataan	Perkataan biasa dan kerap digunakan Perkataan abstrak
Ayat	Ayat mudah Ayat Kompleks Ayat kata nama Purata Panjang Ayat
Penanda perkaitan isi	Kata hubung dan penanda wacana

Ciri-ciri linguistik yang terdiri daripada faktor ayat dan perkataan merupakan ciri-ciri yang menyumbang kepada kebolehbacaan teks (Holsti, 1969). Kaedah ini digunakan oleh ramai pengkaji dalam kajian kebolehbacaan teks sehingga kini seperti Gray dan Leary (1935), Dale dan Chall (1948), Dawood (1977), al-Heeti (1984) dan lain-lain.

Dalam kaedah analisis kandungan, kesahan konstruk ditentukan dengan menilai adakah ciri-ciri linguistik berkait dengan pemboleh ubah yang ingin diuji (kebolehbacaan teks). Konstruk yang ingin dianalisis adalah berdasarkan pengesahan dan penilaian pakar serta dapatan dari kajian literatur dalam bidang berkenaan (Holsti, 1969). Selain dari itu definisi kategori dan kaedah atau teknik yang jelas dan selaras juga menentukan kesahan data (Krippendorff, 2004). Dalam kajian ini, penentuan ciri-ciri untuk dianalisis adalah berdasarkan kepada dapatan kajian terdahulu dalam pembinaan formula dan kajian tentang faktor yang menyumbang kepada kebolehbacaan teks serta dibincang dan disemak oleh beberapa orang pakar dalam bidang linguistik bahasa Arab.

Manakala bagi menguji kebolehppercayaan pula kajian ini menggunakan kaedah analisis kebolehppercayaan inter-rater dengan menggunakan analisis *intraclass correlation coefficient* (ICC) untuk mengukur ketekalan, kestabilan dan kebolehulangan pengukuran oleh pengekod yang berbeza secara berasingan dalam mengukur unit analisis yang sama (Shrout & Fleiss 1979). Dalam kajian ini pengkaji memilih nilai >0.667 dalam menentukan nilai kebolehppercayaan inter-rater seperti mana saranan Gall et al. (2003) kerana ia tidak terlalu

ekstrem dan diterima pakai oleh kebanyakan pengkaji. Jadual 3 di bawah, menunjukkan nilai indeks persetujuan ICC.

JADUAL 3 *Intraclass Correlation Coefficient* kajian rintis

Pemboleh ubah	Indeks Ketekalan Persetujuan ICC	
	Single Measures	Average Measures
Ayat Mudah	.830	.936
Ayat Kompleks	.725	.888
Ayat Kata Nama	.909	.968
Purata Panjang Ayat	.893	.962
Jumlah Perkataan Biasa & Kerap	.756	.903
Jumlah Perkataan Abstrak	.812	.928
Jumlah Kata Hubung & Penanda Wacana	.672	.860

Dapatan analisis kebolehpercayaan inter-rater ICC bagi mengukur ketekalan, kestabilan dan kebolehulangan skor yang diberikan oleh 3 orang pengekod adalah menggunakan pengukuran purata (*average measure*). Bagi ketujuh-tujuh ciri linguistik ini, nilai ICC ialah antara 0.860 hingga 0.968. Nilai tersebut menunjukkan darjah persetujuan yang amat baik seperti saranan Cicchetti (1994), iaitu nilai antara 0.75 hingga 1.00. Dapatan ini dapat disimpulkan bahawa pengekod mempunyai korelasi persetujuan yang tinggi dan menunjukkan nilai skor yang hampir sama dalam mengukur sesuatu unit ukuran. Nilai ICC yang tinggi juga menunjukkan nilai ralat pengukuran oleh pengekod adalah kecil (Cicchetti, 1994).

Analisis deskriptif dilakukan untuk mendapatkan keterangan sistematik tentang fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang kajian secara empirikal dan tepat (Gall et al., 2003). Analisis inferensi pula digunakan untuk melihat korelasi antara ciri-ciri linguistik dan tahap kebolehbacaan melalui analisis Korelasi Pearson. Bagi menentukan kekuatan perhubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini, anggaran kekuatan yang dicadangkan oleh Cohen (1988) dalam Pallant (2011) adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4 berikut:

JADUAL 4 Nilai Korelasi

Nilai Korelasi (r)	Kekuatan hubungan
0.10 - 0.29	Rendah
0.30 - 0.49	Sederhana
0.50 - 1.00	Kuat

Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah ciri-ciri linguistik yang telah dikenal pasti, manakala pemboleh ubah bersandar ialah tahap kebolehbacaan teks mengikut tahap norma pelajar. Ia terdiri daripada 5 tahap, iaitu sangat senang, senang, sederhana, sukar dan sangat sukar. Kebolehbacaan teks ini ditentukan dengan menggunakan skala tahap kebolehbacaan 1 hingga 5 - iaitu sangat senang (1) senang (2) sederhana (3) sukar (4) sangat sukar (5).

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan prosedur mengikut perancangan seperti berikut:

- i. Memilih sampel kajian dan menetapkan unit analisis.
- ii. Menetapkan instrumen kajian, iaitu panduan tatacara pengkodan, pengkod dan borang profil ciri linguistik.

- iii. Melakukan kajian rintis, iaitu untuk mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan pengekod dan panduan tatacara pengekodan.
- iv. Membuat pengubahsuaian mengikut hasil kajian rintis.
- v. Menjalankan proses pengekodan / penganalisan mengikut tatacara berkaitan pembinaan unit analisis dan kategori.
- vi. Melakukan analisis data dan menulis laporan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis secara menyeluruh tentang tahap penggunaan ciri-ciri linguistik, iaitu penggunaan ayat mudah, ayat kompleks, ayat kata nama, perkataan biasa dan kerap, perkataan abstrak, kata hubung dan penanda wacana dan purata panjang ayat. Jadual 5 menunjukkan dapatan analisis tersebut.

JADUAL 5 Taburan Ciri-Ciri Linguistik Berdasarkan Keseluruhan Tingkatan

Pemboleh ubah	n	Min	S.P
Ayat Mudah	313	1.99	1.49
Ayat Kompleks	313	5.46	1.25
Ayat Kata Nama	313	4.21	2.24
Purata Panjang Ayat	313	14.18	3.22
Perkataan Biasa & Kerap	313	95.44	2.48
Perkataan Abstrak	313	11.87	5.54
Kata Hubung & Penanda Wacana	313	5.38	2.26

Jadual 4.2 menunjukkan taburan min penggunaan ciri linguistik yang dikaji dalam keseluruhan sampel teks ($n=313$). Dari segi penggunaan jenis ayat, min penggunaan ayat kompleks ($\text{min}=5.46$) iaitu sebanyak 73.24% adalah lebih tinggi berbanding min ayat mudah ($\text{min}=1.99$) iaitu sebanyak 26.76%. Manakala nilai min penggunaan ayat kata nama ialah $\text{min}=4.21$ dengan 56.56%. Seterusnya dari segi purata panjang ayat skor min ialah $=14.18$. Dari segi penggunaan perkataan, perkataan biasa dan kerap mendominasi sampel teks dengan nilai $\text{min}=95.44$ iaitu 95.44% berbanding perkataan abstrak dengan nilai $\text{min}=11.87$ dengan 11.87% daripada 100 jumlah patah perkataan dalam sampel teks. Manakala nilai min penggunaan kata hubung dan penanda wacana ialah $\text{min}=5.38$ dengan 5.38%.

Dari sudut nilai sisihan piawai, ayat mudah dan ayat kompleks menunjukkan nilai sisihan piawai yang terkecil berbanding ciri linguistik yang lain iaitu nilai sisihan piawai ayat mudah $s.p=1.49$ dan nilai sisihan piawai ayat kompleks lebih kecil iaitu $s.p=1.25$. Pada taburan lengkungan normal, iaitu $\text{min}=\pm 1$, nilai min ayat mudah $\text{min}=1.99 + s.p=1.49=3.48$, $\text{min}=1.99 - s.p=1.49 = 0.5$ (2.98). Manakala bagi ayat kompleks, $\text{min}=5.46 + s.p=1.25 = 6.71$, $\text{min}=5.46 - s.p=1.25 = 4.21$ (2.5). Hal ini menunjukkan jarak antara teks paling kerap menggunakan ayat kompleks dan yang paling tidak kerap menggunakannya adalah lebih kecil berbanding ayat mudah. Namun begitu, dapatan ini menunjukkan kedua-dua penggunaan ayat mudah dan ayat kompleks dalam 313 sampel teks adalah paling seragam.

Manakala dari segi ayat kata nama, pada taburan lengkungan normal $\text{min}=\pm 1$, nilai sisihan piawai ialah $s.p=2.24$, $\text{min}=4.21 + s.p=2.24 = 6.45$ dan $\text{min}=4.21 - s.p=2.24 = 1.97$ (4.48). Data ini menunjukkan jarak antara teks paling kerap dan paling tidak kerap menggunakan ayat kata nama adalah lebih besar berbanding penggunaan ayat mudah dan ayat kompleks. Namun demikian, nilai ini menunjukkan taburan penggunaan ayat kata nama dalam teks adalah seragam.

Seterusnya dari segi purata panjang ayat, pada taburan lengkungan normal $\min = \pm 1$, nilai sisihan piawai ialah 3.22, $\min = 14.18 + s.p = 3.22 = 17.4$ dan $\min = 14.18 - s.p = 3.22 = 10.96$ (6.44). Hal yang demikian menunjukkan jarak antara teks paling tinggi dan paling rendah purata panjang ayat adalah besar dan kurang seragam.

Dapatan bagi kategori perkataan biasa dan kerap digunakan menunjukkan nilai $s.p = 2.48$. Dengan melihat taburan lengkungan normal, iaitu $\min \pm 1$ nilai piawai pemboleh ubah, kajian mendapati nilai piawai perkataan biasa dan kerap digunakan adalah $\min = 95.44 + s.p = 2.48 = 97.92$ dan $\min = 95.44 - s.p = 2.48 = 92.96$ (4.96). Bagi penggunaan kata abstrak, nilai sisihan piawai ialah $s.p = 5.54$, $\min + 1$ nilai sisihan piawai ialah $11.87 + 5.54 = 17.41$ dan $\min - 1$ nilai sisihan piawai ialah $11.87 - 5.54 = 6.33$ (11.08). Dapatan ini menunjukkan jarak antara teks paling kerap dan paling tidak kerap menggunakan perkataan abstrak adalah lebih besar berbanding penggunaan perkataan biasa dan kerap. Hal yang demikian menunjukkan taburan penggunaan perkataan biasa dan kerap dalam teks adalah lebih seragam berbanding perkataan abstrak yang tidak seragam.

Manakala penggunaan kata hubung dan penanda wacana, nilai sisihan piawai ialah $s.p = 2.26$, $\min + 1$ nilai sisihan piawai ialah $5.38 + 2.26 = 7.64$ dan $\min - 1$ nilai sisihan piawai ialah $5.38 - 2.26 = 3.12$ (4.52). Hal ini menunjukkan penggunaan kata hubung dan penanda wacana dalam $n = 313$ sampel teks juga adalah seragam.

Secara keseluruhannya menunjukkan taburan penggunaan ciri-ciri linguistik yang dianalisa mempunyai taburan keseragaman yang berbeza berdasarkan nilai sisihan piawai. Taburan kekerapan penggunaan yang paling seragam ialah ayat kompleks diikuti oleh ayat mudah, ayat kata nama, kata hubung dan penanda wacana serta perkataan biasa dan kerap. Manakala taburan purata panjang ayat menunjukkan taburan yang kurang seragam dan perkataan abstrak menunjukkan taburan yang tidak seragam.

Manakala dapatan analisis korelasi bivariat *Pearson* antara ciri-ciri linguistik dengan tahap kebolehbacaan teks adalah sebagaimana jadual berikut:

JADUAL 5 Korelasi Pearson Antara Ciri-Ciri Linguistik Dengan Tahap Kebolehbacaan Teks

	Tahap Kebolehbacaan Teks		
	r	r ²	Sig.
Pemboleh ubah			
Ayat Mudah	-.102	0.010	.072
Ayat Kompleks	-.135	0.018	.017
Ayat Kata Nama	.637	0.406	.027
Perkataan Biasa Dan Kerap	-.606	0.367	.000
Perkataan Abstrak	-.023	0.001	.683
Kata Hubung Dan Penanda Wacana	-.403	0.162	.000
Purata Panjang Ayat	.160	0.025	.005

Sig. pada aras 0.05

Berdasarkan jadual 5, analisis menunjukkan pemboleh ubah purata panjang ayat menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks di mana pertaliannya adalah kecil iaitu dengan nilai ($r = 0.160$, $r^2 = 0.025$, $p < 0.05$). Ini bermakna semakin tinggi purata panjang ayat semakin tinggi tahap kebolehbacaan teks. Varian $r^2 = 0.025$ pula menunjukkan bahawa 2.5% perubahan daripada purata panjang ayat mempunyai kaitan dengan peningkatan tahap kebolehbacaan teks.

Manakala pemboleh ubah ayat kompleks, perkataan biasa dan kerap serta kata hubung dan penanda wacana menunjukkan terdapat perhubungan negatif yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks. Perkataan biasa dan kerap menunjukkan pertalian yang sederhana kuat dengan tahap kebolehbacaan teks iaitu dengan nilai ($r = -0.606$, $r^2 = 0.367$, $p < 0.05$). Nilai varian $r^2 = 0.367$ menunjukkan bahawa 36.7% perubahan daripada penggunaan

perkataan biasa dan kerap mempunyai hubungan dengan penurunan tahap kebolehbacaan teks.

Pemboleh ubah kata hubung dan penanda wacana menunjukkan kekuatan pertalian yang sederhana dengan tahap kebolehbacaan teks iaitu dengan nilai ($r = -0.403$, $r^2 = 0.162$, $p < 0.05$). Nilai varian $r^2 = 0.162$ pula menunjukkan bahawa 16.2% perubahan daripada penggunaan kata hubung dan penanda wacana mempunyai kaitan dengan penurunan tahap kebolehbacaan teks. Ini menunjukkan semakin tinggi penggunaan perkataan biasa dan kerap serta kata hubung dan penanda wacana semakin rendah tahap kebolehbacaan teks. Manakala pemboleh ubah ayat kompleks menunjukkan pertalian yang kecil dengan tahap kebolehbacaan teks di mana nilainya ialah ($r = -0.135$, $r^2 = 0.018$, $p < 0.05$). Nilai varian $r^2 = 0.018$ pula menunjukkan bahawa 1.8% perubahan daripada penggunaan ayat kompleks mempunyai kaitan dengan penurunan tahap kebolehbacaan teks. Dapatan ini menunjukkan semakin tinggi penggunaan ayat kompleks semakin rendah tahap kebolehbacaan teks.

Sebaliknya pemboleh ubah yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks ialah ayat mudah dengan nilai ($r = -0.102$, $p > 0.05$), ayat kata nama ($r = 0.027$, $p > 0.05$) dan perkataan abstrak ($r = -0.023$, $p > 0.05$).

Secara keseluruhan keputusan analisis korelasi mendapati hanya empat pemboleh ubah sahaja yang mempunyai hubungan secara signifikan, iaitu perkataan biasa dan kerap dengan pertalian yang kuat, kata hubung dan penanda wacana dengan pertalian yang sederhana, purata panjang ayat dan ayat kompleks yang menunjukkan pertalian yang rendah dengan tahap kebolehbacaan teks. Manakala tiga pemboleh ubah didapati tidak wujud hubungan yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks, iaitu pemboleh ubah ayat mudah, ayat kata nama dan perkataan abstrak.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ciri-ciri linguistik dalam teks berbahasa Arab yang digunakan oleh pelajar menunjukkan keseragaman yang seimbang dan tidak seimbang berdasarkan nilai sisihan piawai iaitu ciri linguistik yang paling seragam penggunaannya ialah ayat kompleks ($sp = 1.25$) diikuti oleh ayat mudah ($sp = 1.49$), ayat kata nama ($sp = 2.24$), kata hubung dan penanda wacana ($sp = 2.26$) serta perkataan biasa dan kerap ($sp = 2.48$). Manakala ciri linguistik yang kurang seragam kekerapan penggunaannya ialah purata panjang ayat ($sp = 3.22$) dan diikuti oleh perkataan abstrak ($sp = 5.54$). Dari segi penggunaan jenis ayat, ayat kompleks mendominasi teks dengan nilai min = 5.46 iaitu sebanyak 73.24% adalah lebih tinggi berbanding min ayat mudah (min = 1.99) iaitu sebanyak 26.76%. Manakala nilai min penggunaan ayat kata nama ialah min = 4.21 dengan 56.56%. Seterusnya dari segi purata panjang ayat skor min ialah = 14.18. Dari segi penggunaan perkataan, perkataan biasa dan kerap mendominasi sampel teks dengan nilai min = 95.44 iaitu 95.44% berbanding perkataan abstrak dengan nilai min = 11.87 dengan 11.87% daripada 100 jumlah patah perkataan dalam sampel teks. Manakala nilai min penggunaan kata hubung dan penanda wacana ialah min = 5.38 dengan 5.38%.

Hal ini bermakna ciri-ciri linguistik yang mempunyai potensi boleh mempengaruhi kesukaran teks secara konsisten banyak tertumpu pada ciri ayat kompleks dan ayat mudah berdasarkan keseragaman kekerapan penggunaannya dalam teks yang dikaji. Secara teori, ciri-ciri perkataan juga berpotensi mempengaruhi kebolehbacaan teks iaitu teks yang dikaji mempunyai taburan kekerapan kata hubung dan penanda wacana dan penggunaan perkataan biasa dan kerap yang seragam. Walaupun taburan purata panjang ayat kurang seragam, secara teorinya ia mempengaruhi kebolehbacaan teks.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Kamarulzaman (2010) dan Kamarulzaman et al. (2014) serta Zulazhan (2012) yang mengkaji kebolehbacaan 15 teks daripada buku teks

Bahasa Arab Tinggi dan buku teks Balaghah tingkatan empat yang menggunakan Ujian Klotz. Mereka mendapati penggunaan ayat kompleks mendominasi teks dengan penggunaan yang seragam. Walaupun perkataan biasa dan kerap juga mendominasi teks namun penggunaannya tidak seragam.

Walaupun bagaimanapun, dalam kajian Dawood (1977) al-Heeti (1984) menunjukkan keseragaman penggunaan perkataan biasa dan kerap serta purata panjang ayat yang merupakan penyumbang kepada kebolehbacaan teks. Namun begitu, kajian Dawood (1977) melibatkan jumlah sampel yang besar dan melibatkan teks yang digunakan oleh penutur jati, sebaliknya kajian Kamarulzaman (2010) dan Zulazhan (2012) melibatkan sampel yang kecil.

Berdasarkan kajian pengkaji-pengkaji kebolehbacaan teks bahasa Inggeris yang terdahulu seperti Chall (1974), Klare (1969), Gunning (2003), Oakland dan Lane (2004), Crossley (2008) mahupun bahasa Melayu seperti Khadijah Rohani (1982) dan bahasa Arab seperti Badi (1982), dan Toemah (1978) mendapati ciri-ciri linguistik seperti elemen perkataan yang membantu pemahaman pembaca dan perkataan yang bertujuan pembelajaran. Perkataan baru disediakan perkataan kunci yang membantu menerangkan perkataan tersebut. Selain dari itu, struktur dan jenis ayat sering menjadi ukuran kepada kebolehbacaan sesuatu teks seperti struktur ayat yang mempunyai penerangan, contoh dan ilustrasi dengan bantuan perkataan yang berfungsi sebagai penghubung isi.

Daripada dapatan tersebut dapat dirumuskan bahawa, ciri-ciri yang mempunyai taburan penggunaan secara seragam mempunyai potensi sebagai penyumbang dalam meramal kebolehbacaan sesuatu teks. Demikian juga dalam menyediakan buku teks kepada pelajar bukan penutur jati, taburan keseragaman ciri-ciri linguistik yang berpotensi mempengaruhi kebolehbacaan teks perlu diambil kira, bukan hanya berdasarkan isi pengajaran yang perlu ada mengikut tingkatan.

Manakala hasil dapatan analisis korelasi Pearson mendapati hanya 4 pemboleh ubah yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks, iaitu pemboleh ubah ayat kompleks, perkataan biasa dan kerap, kata hubung dan penanda wacana serta purata panjang ayat.

Dapatan kajian menunjukkan pemboleh ubah purata panjang ayat menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks di mana pertaliannya adalah kecil ($r=0.16$), iaitu 2.5% perubahan daripada purata panjang ayat mempunyai kaitan dengan peningkatan tahap kebolehbacaan teks. Ini bermakna semakin tinggi purata panjang ayat semakin tinggi tahap kebolehbacaan teks. Hasil kajian ini sejajar dengan beberapa kajian lain seperti al-Heeti (1984), al-Ajlan (2008; 2010), Shen et al. (2013) dan juga al-Tamimi et al. (2014).

Nilai positif pekali korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan positif antara purata panjang ayat dan tahap kebolehbacaan. Meskipun nilai positif tersebut tidak menunjukkan hubungan sebab akibat, namun dapatan ini menyokong teori kognitif membaca yang menyatakan bahawa kapasiti pemprosesan pembaca dalam interaksi dengan teks harus sepadan dengan struktur bahasa teks kerana mereka yang masih belum menguasai kemahiran berbahasa menghadapi kesukaran dalam mencerakan ayat panjang memandangkan mereka masih pada peringkat awal mempelajari bahasa, terutamanya bahasa asing (Koda 2005).

Manakala pemboleh ubah perkataan biasa dan kerap, kata hubung dan penanda wacana serta ayat kompleks menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks. Perkataan biasa dan kerap menunjukkan pertalian yang kuat dengan tahap kebolehbacaan teks iaitu dengan nilai ($r = -0.606$) iaitu, 36.7% perubahan daripada penggunaan perkataan biasa dan kerap mempunyai hubungan dengan penurunan tahap kebolehbacaan teks. Hal ini menunjukkan, semakin tinggi tahap kekerapan perkataan biasa dan kerap, teks adalah semakin senang. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian

yang melibatkan bahasa Arab untuk bukan penutur jati seperti kajian Kamarulzaman et.al (2014), dan Mat Daud et al.(2013).

Newbold dan Gillam (2010) menjelaskan perkataan yang biasa dan kerap telah tersimpan dalam memori sebagai perkataan yang boleh diingat secara automatik semasa proses membaca. Jika teks mempunyai banyak perkataan tidak biasa serta perkataan abstrak, pembaca mengambil masa untuk membina makna dan menghalang pembaca membuat tafsiran secara berterusan. Tahap kekerapan perkataan biasa dan kerap haruslah selari dengan perkembangan penguasaan bahasa pembaca.

Seterusnya, pemboleh ubah kata hubung dan penanda wacana juga menunjukkan perhubungan negatif yang signifikan dengan kekuatan pertalian yang sederhana dengan tahap kebolehbacaan teks iaitu dengan nilai ($r=-0.403$), iaitu 16.2% perubahan daripada penggunaan kata hubung dan penanda wacana mempunyai kaitan dengan penurunan tahap kebolehbacaan teks. Ini menunjukkan semakin tinggi kata hubung dan penanda wacana semakin senang sesuatu teks. Pemboleh ubah ini dikatakan mempunyai potensi sebagai penyumbang kepada kebolehbacaan teks (al-Saif & Markert 2011).

Dapatan kajian ini selari dengan kajian al-Saif dan Markert (2011) dan Forsyth (2014) yang melibatkan bahasa Arab sebagai bahasa persuratan moden. Pitler dan Nenkova (2008) dalam kajian yang melibatkan bahasa Inggeris juga menunjukkan kata hubung dan penanda wacana merupakan pemboleh ubah yang berkorelasi kuat dengan kebolehbacaan teks dan pemboleh ubah yang paling signifikan menyumbang kepada kebolehbacaan teks.

Nilai negatif pekali korelasi antara pemboleh ubah kata hubung dan penanda wacana dan tahap kebolehbacaan teks boleh dijelaskan oleh pandangan Crossley et al. (2008) bahawa kejelasan susun atur isi dan struktur adalah penting bagi pembaca tahap rendah kerana pencapaian berbahasa serta pengalaman mereka masih terhad. Mereka memerlukan isyarat kata hubung dan penanda wacana serta susun atur isi yang berstruktur untuk membantu mereka memahami teks.

Pemboleh ubah ayat kompleks juga menunjukkan pertalian negatif yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks. Nilai pekali korelasi yang kecil ($r= -0.135$), menunjukkan bahawa 1.8% perubahan daripada penggunaan ayat kompleks mempunyai kaitan dengan penurunan tahap kebolehbacaan teks. Dapatan ini menunjukkan semakin tinggi penggunaan ayat kompleks semakin rendah tahap kebolehbacaan teks atau dengan kata lain semakin tinggi kekerapan ayat kompleks semakin senang teks. Dapatan ini tidak selari dengan dapatan kajian terdahulu iaitu kajian oleh Kamarulzaman (2014) dan Zulazhan (2012), dan al-Tamimi et al. (2014). Walaupun kekuatan hubungan antara ayat kompleks dan tahap kebolehbacaan teks adalah kecil, ia tetap menunjukkan hubungan yang signifikan dan berpotensi sebagai pemboleh ubah peramal tahap kebolehbacaan.

Corak korelasi ini dapat diterangkan dengan hubungan kekerapan kata hubung dan penanda wacana dengan tahap kebolehbacaan teks, iaitu tahap kebolehbacaan teks yang rendah mempunyai kekerapan kata hubung yang tinggi. Sehubungan dengan itu, ayat kompleks terdiri dari gabungan klausa bersandar dan klausa bebas yang dihubungkan dengan kata hubung dan penanda wacana yang berfungsi untuk memberi penerangan untuk idea, hubungkait antara idea dan idea, kelangsungan idea serta turutan idea. Sepertimana yang dijelaskan oleh Crossley et al (2008), pembaca ditahap rendah memerlukan isyarat kata hubung dan penanda wacana serta susun atur isi yang berstruktur untuk membantu mereka memahami teks.

Dapatan kajian ini menunjukkan ciri-ciri linguistik perkataan biasa dan kerap, kata hubung dan penanda wacana, ayat kompleks dan purata panjang ayat mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks. Ini menunjukkan semakin tinggi tingkatan, semakin rendah kekerapan perkataan biasa dan kerap. Begitu juga kata hubung dan penanda wacana iaitu, semakin tinggi tingkatan semakin berkurang penggunaan kata hubung

dan penanda wacana. Manakala dari segi ayat, semakin tinggi tingkatan semakin rendah penggunaan ayat kompleks dalam teks. Dari segi purata panjang ayat pula menunjukkan semakin tinggi tingkatan semakin tinggi purata panjang ayat. Ciri-ciri yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks berpotensi menyumbang kepada tahap kebolehbacaan teks.

IMPLIKASI

Dapatan kajian ini, iaitu ciri-ciri linguistik yang menyumbang kepada kebolehbacaan teks yang digunakan oleh pelajar bukan penutur jati ini berguna kepada para pelaksana pengajaran kurikulum bahasa arab dan pengajian *i'dadi* (menengah rendah) untuk dijadikan panduan untuk memilih dan menulis bahan bacaan bertulis untuk pelajar bukan penutur jati. Kepentingan ciri-ciri linguistik yang membantu dan menyukarkan teks untuk difahami oleh pelajar perlu diambil perhatian kerana dengan pendedahan ini pihak yang terbabit dapat menilai kebolehbacaan teks yang bersesuaian dengan pelajar mereka berdasarkan ciri-ciri linguistik yang digunakan dalam teks.

Dapatan kajian ini secara umumnya menyokong kewajaran teori membaca dan memberi input kepada perlakuan kognitif membaca bagi pelajar bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua. Korelasi antara ciri-ciri linguistik perkataan biasa dan kerap, kata hubung dan penanda wacana serta purata panjang ayat dengan tahap kebolehbacaan menyokong teori kognitif membaca. Hal ini adalah kerana pelajar bukan penutur jati yang baru dalam proses mempelajari bahasa asing memerlukan sebahagian besar perkataan yang biasa dan kerap digunakan untuk memahami teks. Mereka juga memerlukan petunjuk untuk mengaitkan hubungan antara idea dan idea. Disamping itu juga, ayat yang mengandungi isi kandungan juga perlu diselaraskan mengikut keupayaan penguasaan bahasa mereka untuk memahami teks yang dibaca.

Pengetahuan bahasa dalam bentuk penulisan dan topik yang disampaikan dalam teks perlu diambil kira untuk memastikan maklumat yang disampaikan dalam teks boleh difahami oleh pembaca. Pengetahuan linguistik pembaca seperti kosa kata dan struktur ayat dan susunan ayat menyumbang kepada interaksi yang berkesan antara pembaca dan teks yang mana membantu pembaca memahami teks. Menurut Guthrie (2004) apabila pembaca dapat mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan teks yang dibaca, ia akan meningkatkan keyakinan pembaca membaca bahan yang dibaca seterusnya meningkatkan kefahaman mereka dalam pembacaan.

Dalam konteks dapatan kajian ini dan huraian diatas, ia mengukuhkan teori yang menyatakan membaca merupakan proses interaktif yang merujuk kepada interaksi antara pengetahuan-pengetahuan pembaca, iaitu pengetahuan huruf, perkataan, sintaksis, leksikal, semantik dan maklumat ciri-ciri linguistik teks. Kedua-dua interaksi ini diadun sebagai satu proses membaca, yang mana pembaca menjadikan teks sebagai sebahagian daripada pengetahuan sedia ada.

PENUTUP

Sebagai rumusannya, keputusan kajian ini telah menunjukkan semakin tinggi perkataan biasa dan kerap serta kata hubung dan penanda wacana semakin rendah tahap kebolehbacaan teks dan semakin tinggi purata panjang ayat, semakin tinggi tahap kebolehbacaan teks. Berdasarkan dapatan kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa teks untuk pelajar bukan penutur jati harus disusun dengan teliti mengikut tingkatan pembelajaran berdasarkan ciri-ciri

linguistik yang didapati boleh mempengaruhi tahap kebolehbacaan teks. Dapatan kajian yang telah dilaksanakan ini diharapkan mampu dijadikan sebagai perintis dan panduan untuk dimanfaatkan dalam kajian lanjutan ke arah pembinaan kaedah atau formula bagi menganggar kebolehbacaan teks untuk pelajar bukan penutur jati. Ia juga diharap boleh membantu dalam menambahkan atau mengisi jurang kekurangan dalam penyediaan bahan bacaan terutamanya buku teks berbahasa Arab untuk pelajar bukan penutur jati dalam pelbagai mata pelajaran aliran agama.

RUJUKAN

- Al-Ajlan, Ajlan, Al-Khalifa, Hend S. & Al-Salman, Ahmad. 2008. Towards the Development of an Automatic Readability Measurements for Arabic Language. *Third International Conference on Digital Information Management*, hlm. 506-511.
- Al-Heeti, K. N. 1984. Judgment Analysis Technique Applied to Readability Prediction of Arabic Reading Material. Tesis PhD, University of Northern Colorado.
- Al-Khalifa, Hend S. & Al-Ajlan, Ajlan. 2010. Automatic Readability Measurements of the Arabic Text: An Exploratory Study. *The Arabian Journal For Science and Engineering* 35(2C): 103 - 124.
- Al-Saif, Amr & Markert, K. 2011. Modelling Discourse Relations for Arabic. *Proceedings of the Conference on Empirical Methods in Natural Language Processing*, hlm. 736-747.
- Al-Tamimi, A.-K., Jaradat, M., Aljarrah, N. & Ghanem, S. 2014. AARI: Automatic Arabic Readability Index. *The International Arab Journal of Information Technology*, 11(4): 370-378.
- Anderson, T. H. & Armbruster, B. B. 1984. Content Area Textbooks. In R.C. Anderson, J. Osborn, & R.J. Tierney (Eds.). *Learning to read in American schools* 193-224.
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2006. Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik (Balaghah) Arab. Laporan Projek. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Azharuddin Ahmad Azhar. 2005. Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Agama: Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Badi, K. G. 1982. Tahdid 'Awamil Al-Suhulah Wa Al-Su'ubah Fi Al-Maddahal-Maqrubah Lada Talamiz Al-Marhalah Al-Ibtidaiyyah. Tesis PhD, University Ain Shams, Kaherah.
- Beck, I. L., Mckeown, M. G., Omanson, R. C. & Pople, M. T. 1984. Improving the Comprehensibility of Stories: The Effects of Revisions That Improve Coherence. *Reading Research Quarterly* 19(3): 263-277.
- Berelson, B. 1952. *Content Analysis in Communication Research*. New York: Hafner Press.
- Chall, J. S. 1974. *Readability: An Appraisal of Research and Application*. Epping Essex: Bowker Publishing Company.
- Cicchetti, D. V. 1994. Guidelines, Criteria, and Rules of Thumb for Evaluating Normed and Standardized Assessment Instruments in Psychology. *Psychological assessment* 6(4): 284.
- Crossley, S. A. & Mcnamara, D. S. 2008. Assessing L2 Reading Texts at the Intermediate Level: An Approximate Replication of Crossley, Louwerse, McCarthy & Mcnamara (2007). *Language Teaching* 41(03): 409-429.
- Dale, E. & Chall, J. S. 1948. A Formula for Predicting Readability. *Educational Research Bulletin* 27(1): 11-20.
- Dawood, B. A. K. 1977. The Relationship between Readability and Selected Language Variables. Tesis Unpublished Master Thesis (In Arabic), Iraq Baghdad University.

- DuBay, W. H. 2002. Using Readability Tools. Fourth biennial conference of the PLAIN Language Association International proceedings. Anjuran Plain Language Association International. Toronto, September 26-29.
- DuBay, W. H. 2004. *The Principles of Readability*. Costa Mesa, California: Impact Information.
- Forsyth, J. N. 2014. Automatic Readability Detection for Modern Standard Arabic. Tesis Master, Department of Linguistics and English Language, Brigham Young University.
- Gall, M. D., Gall, J. P. & Borg, W. R. 2003. *Educational Research: An Introduction*. 7th Ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Ghazali Yusri, and Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, and Parilah M. Shah, (2010) *Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. GEMA: Online Journal of Language Studies, 10 (2). pp. 15-33. ISSN 1675-8021
- Gilliland, J. 1972. *Readability*. London: University of London Press.
- Grabe, W. & Stoller, F. L. 2002. *Teaching and Researching Reading*. London: Pearson Education.
- Gray, W. S. & Leary, B. E. 1935. *What Makes a Book Readable*. Chicago: Univ. of Chicago Press.
- Gunning, R. 1968. *The Technique of Clear Writing*. Revised Edition. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Guthrie, J. T. 2004. Teaching for Literacy Engagement. *Journal of Literacy Research* 36(1): 1-30.
- Harrison, C. 1977. Investigating the Readability of Texts. *Research Intelligence* 3(1): 44-47.
- Harrison, C. 1980. *Readability in the Classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Holsti, O. R. 1969. *Content Analysis for the Social Sciences and Humanities*. Philippines: Addison-Wesley Publishing Company, Inc.
- Janan, D. 2011. Towards a New Model of Readability. Tesis PhD, University of Warwick.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2014. Linguistic Features for Development of Arabic Text Readability Formula in Malaysia: A Preliminary Study. *Middle-East Journal of Scientific Research* 19(3): 319-331.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, (2011) *Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi berasaskan ujian klotz dalam kalangan pelajar di SMKA*. GEMA: Online Journal of Language Studies, 11 (2). pp. 53-66. ISSN 1675-8021
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2010. *Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Khadijah Rohani Md Yunus. 1982. An Assessment of the Structure Variables in Malay: A Readability Formulae. Tesis PhD, The University of Miami.
- Khadijah Rohani Md Yunus. 1989. Formula Kebolehbacaan: Satu Cara Objektif Untuk Menentukan Tahap Kebolehbacaan Bahan-Bahan Bacaan. *Dewan Bahasa (Journal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa)* 31(4): 274 - 288.
- Klare, G. R. 1969. *The Measurement of Readability*. 3rd Ed. Iowa: Iowa States University Press.
- Koda, K. 2005. *Insights into Second Language Reading: A Cross-Linguistic Approach*. New York: Cambridge University Press.
- Krippendorff, K. 2009(a). Inferring the Readability of Text. Dlm. Krippendorff, K. & Bock, M. A. (pnjt.). *The Content Analysis Reader*, hlm. 202-208. Los Angeles: SAGE Publications, Inc.

- Mat Daud, N., Hassan, H. & Abdul Aziz, N. 2013. A Corpus-Based Readability Formula for Estimate of Arabic Texts Reading Difficulty. *World Applied Sciences Journal* 21(168-173).
- Mclaughlin, G. H. 1969. Smog Grading - a New Readability Formula. *Journal of Reading* 12(8): 639 - 646.
- Newbold, N. & Gillam, L. 2010. The Linguistics of Readability: The Next Step for Word Processing. *Proceedings of the NAACL HLT 2010 Workshop on Computational Linguistics and Writing* hlm. 65-72.
- Nik Hanan Mustapha, and Nik Farhan Mustapha, and Nadwah Daud, and Mahmud Abd Wahab, (2013) *Arabic language efficacy questionnaire (ALEQ): assessing self-efficacy and achievement*. GEMA: Online Journal of Language Studies, 13 (1). pp. 155-167. ISSN 1675-8021
- Oakland, T. & Lane, H. B. 2004. Language, Reading, and Readability Formulas: Implications for Developing and Adapting Tests. *International Journal of Testing* 4(3): 239-252.
- Pallant, J. 2011. *Spss Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using Spss*. 4th Ed. Crows Nest, NSW: Allen & Unwin.
- Pikulski, J. J. 2002. Readability, Boston: Houghton Mifflin.
- Pintrich, P. R. 1999. The Role of Motivation in Promoting and Sustaining Self-Regulated Learning. *International Journal of Educational Research* 31(459-470).
- Pitler, E. & Nenkova, A. 2008. Revisiting Readability: A Unified Framework for Predicting Text Quality. 186-195.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Nilai: USIM.
- Schulz, R. A. 1981. Literature and Readability: Bridging the Gap in Foreign Language Reading. *Modern Language Journal* 65
- Shen, W., Williams, J., Marius, T. & Salesky, E. 2013. A Language-Independent Approach to Automatic Text Difficulty Assessment for Second-Language Learners. DTIC Document.
- Shrout, P. E. & Fleiss, J. L. 1979. Intraclass Correlations: Uses in Assessing Rater Reliability. *Psychological bulletin* 86(2): 420-428.
- Toiemah, R. A. 1978. The Use of Cloze to Measure the Proficiency of Students of Arabic as a Second Language in Some Universities in the United States. Tesis PhD, University of Minnesota.
- Wan Azura Wan Ahmad & Lubna Abdul Rahman. 2006. *Pendekatan Dan Strategi Efektif Dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zulazhan Ab. Halim. 2012. Kebolehbacaan Buku Teks Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.